

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 28 MAC 2017**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor Bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan harga getah meningkat dengan mendadak dari RM1.80 ke RM4.50 dan adakah harga ini boleh dikekalkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah gred SMR20 *Free on Board* (FOB) telah mula menunjukkan tren peningkatan pada suku tahun keempat 2016 dengan rekod tertinggi yang dicatatkan pada paras RM9.46 sekilogram (se kg) pada 15 Disember 2016. Tren ini juga dicatatkan bagi tempoh bulan Januari sehingga Februari 2017 di mana harga yang tertinggi pada tempoh ini adalah RM10.59 se kg pada 31 Januari 2017.

Paras harga SMR20 yang dicatatkan bagi tempoh Januari hingga Februari 2017 melepas rekod tertinggi yang pernah dicatatkan sejak bulan Mei 2012. Pengukuhan harga SMR20 ini memberi impak yang positif kepada peningkatan pendapatan dan taraf sosio ekonomi para pengusaha tanaman getah di mana hampir 95% daripadanya adalah pekebun kecil.

Tuan Yang Di-Pertua,

Faktor-faktor yang menyumbang kepada pengukuhan harga getah termasuk:

- i. Kekurangan bekalan getah di pasaran dunia yang disebabkan oleh musim hujan berpanjangan dan banjir di negara-negara pengeluar utama getah dunia khususnya di Semenanjung dan Selatan Thailand pada bulan Disember 2016 sehingga Februari 2017;

- ii. Peningkatan permintaan daripada pengguna utama getah dunia, iaitu China;
- iii. Pengukuh harga minyak mentah petroleum yang melepas paras USD50 setong; dan
- iv. Peningkatan harga getah di pasaran hadapan di Tokyo, Jepun dan Shanghai, China berpunca daripada keimbangan terhadap kekurangan bekalan serta kemerosotan mata wang Yen dan Renminbi berbanding Dollar Amerika.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran getah dijangka akan kekal memberangsangkan dalam separuh tahun pertama 2017. Ini disebabkan oleh musim daun luruh pada bulan Februari hingga Mei 2017 yang menyebabkan pengeluaran getah akan merosot. Selain itu, permintaan terhadap bekalan getah oleh pengguna utama getah, China dijangkakan akan meningkat disebabkan keperluan memperbaharui stok getah yang telah merosot serta keimbangan bekalan yang terhad. Pada masa yang sama, dasar Kerajaan China yang melanjutkan pemotongan cukai bagi kenderaan berenjin kecil pada tahun 2017 diyakini akan melonjakkan permintaan getah asli untuk sektor automotif.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**TARIKH : 28 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9676**

**SOALAN:**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) langkah-langkah yang diambil terhadap orang asing yang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atas dakwaan mencetuskan keganasan ; dan
- (b) adakah orang asing juga menyertai program deradikalasi, ataupun adakah mereka terus ditahan dan dihantar kembali ke negara asal.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), seramai 43 orang warga asing telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 kerana disyaki terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah didakwa iaitu 3 orang di bawah Kanun Keseksaan, seorang di bawah Akta Pendaftaran Negara dan 4 orang di bawah Akta Imigresen), 27 orang telah diusir, 5 orang masih dalam siasatan, manakala baki 3 orang telah dibebaskan.**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, sehingga kini masih tiada program deradikal化 dijalankan ke atas warga asing yang berada dalam tahanan. Kebiasaan proses pengusiran dibuat sebaik sahaja siasatan selesai dijalankan.**